



Gagal pameran tanda harga pemilik premis di kompaun RM1000 di Sri Aman

- Kay Urana -May 18, 2020

SRI AMAN: Akibat gagal mempamerkan tanda harga pada barangan jualan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sri Aman telah mengenakan kompaun RM 1000 terhadap sebuah premis perniagaan di sini pagi tadi.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah KPDNHEP Sri Aman Pelani Anak Kemit berkata tindakan tersebut diambil hasil aduan orang awam melalui sistem aduan KPDNHEP iaitu di aplikasi Ez ADU KPDNHEP yang dibangunkan untuk orang ramai membuat aduan kepada KPDNHEP melalui telefon pintar.

Kata Pelani lagi, sepasukan Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP telah diarahkan untuk menyiasat aduan tersebut. Hasil pemantauan di premis berkenaan didapati telah melakukan kesalahan dibawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 iaitu Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 kerana gagal meletakkan/mempamerkan tanda harga pada barangan yang dijual.

“Nilai kompaun kompaun yang tinggi ini adalah bertujuan untuk memberi pengajaran kepada peruncit supaya mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Selain daripada itu ia juga menunjukkan betapa komitednya Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP dalam menyiasat segala aduan dan juga menjalankan tugas yang diamanahkan oleh kerajaan.

"Orang ramai boleh menyalurkan aduan ke laman web EZ ADU KPDNHEP, laman facebook rasmi KPDNHEP Sri Aman dan juga membuat panggilan terus ke nombor bilik gerakan di nombor 083- 323836 jika hendak membuat aduan mengenai salah laku peniaga,"ujarnya.



Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah KPDNHEP Sri Aman Pelani Anak Kemiti.